

Belanjawan 1999

Menjadikan UMS yang tercantik di dunia

Oleh ROHANA MAN

PERDANA Menteri semasa membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat Jumaat lepas, mengumumkan peruntukan RM2.85 bilion untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur universiti-universiti bagi tujuan menampung pertambahan pengambilan pelajar daripada 77,600 kepada 84,000 tahun depan.

Kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, antara projek yang sedang dan akan dilaksanakan ialah pembinaan kampus tetap Universiti Malaysia Sabah (UMS) - termasuk kampus cawangannya di Labuan.

Berfokus kepada kampus tetap UMS itu, *Utusan Pendidikan* meninjau wawasan kepimpinan universiti itu, yang terpinggir dari segi publisiti harian kerana lokasinya 'agak jauh'.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman yang sempat ditemui baru-baru ini berkata, ruang 'unik' yang beliau 'nampak' ialah menjadikan kampus tetap antara yang tercantik di dunia.

Tidaklah mustahil untuk menjadikan kampus baru UMS di sekitar Teluk Sepang-



DR. ABU HASSAN OTHMAN

gar - yang telah diwartakan sebagai taman laut - sebagai antara universiti tercantik di dunia.

Bukan sahaja dikelilingi taman laut, potensi universiti itu menjadi sebuah 'resort' atau perhentian saintis-saintis botani dan zoologi juga ada, kalau berdasarkan kedudukannya di negeri bawah bayu yang kaya dengan spesies flora dan fauna itu.

Keindahan kampus itu digambarkan oleh Dr. Abu Hassan sebagai "berdepan dengan laut lepas yang membiru, dan di belakangnya mengalir anak-anak sungai - tambahan pula kampus itu terletak di atas bukit."

"UMS akan muncul salah satu universiti tercantik di dunia," katanya selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara UMS dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Kata beliau, lokasi UMS di atas bukit, ditambah pula kedudukannya di tepi pantai, menjanjikan panorama mengasyikkan.

"Kedudukan kampus tetap di kawasan seluas 999 ekar itu yang dikelilingi landskap semula jadi, menjadikan ia begitu menarik," ujarnya.

Malah katanya, kolam buatan manusia di tengah-tengah kampus turut menjanjikan ketenangan kepada warga kampus.

Kata Dr. Abu Hassan, arkitek tempatan yang melakar pelan bangunan kampus tetap UMS sengaja memilih lokasi paling menarik bagi membina pintu masuk utama ke universiti itu.

"Setiap hari matahari akan terbenam di 'tengah-tengah' pintu masuk utama itu. Panorama semula jadi berkenaan benar-benar memikat hati setiap warga kampus," ujarnya.

Beliau menggambarkan, air laut yang jernih dan membiru membolehkan warga kampus 'melihat' pelbagai jenis ikan dari kawasan tinggi yang menempatkan kampus tetap UMS.

"Tetapi awas... ikan-ikan itu tidak boleh ditangkap kerana persekitaran Teluk Sepanggar sudahpun diwartakan sebagai taman laut," ujarnya.

Fasa pertama kampus tetap UMS melibatkan pembinaan sembilan bangunan dan tiga daripadanya dijangka siap pada Mei tahun depan.

"Baki bangunan lain dijangka siap pada Januari tahun 2000.

"UMS juga sedang menanam sebanyak 17,000 spesies pokok bagi menghijaukan kawasan persekitaran," ujarnya.

Mengulas secara ringkas sejarah penubuhan UMS, kata Dr. Abu Hassan, universiti itu ditubuhkan pada 24 November 1994 dan bulan depan genaplah empat tahun usianya.

Walaupun masih muda, UMS bangga dengan yang dicapai setakat ini.

UMS kini menawarkan 37 program pengajian termasuk dua program baru iaitu Kejuruteraan Kimia dan Pemasaran yang bermula pada sesi akademik 1998/99 lalu.

Menurut Dr. Abu Hassan, pada 1995, UMS cuma menawarkan 10 program pengajian di peringkat pra siswazah, sarjana dan doktor falsafah (PhD).

Katanya, pengambilan pertama pelajar perintis cuma 205 orang, yang ketika itu kesemuanya ditempatkan di kampus Kolej Komuniti Yaya-

san Sabah, Teluk Likas.

"Bermula dengan tiga buah sekolah dan sebuah pusat akademik, hari ini UMS mempunyai lapan buah sekolah, dua pusat akademik dan dua pusat penyelidikan dengan 2,800 pelajar," katanya sambil memberitahu kampus sementara UMS kini terletak di Jalan Tuaran.

Menurutnya, dari segi komposisi pelajar, sebanyak 55 peratus pelajar berasal dari Semenanjung Malaysia, 40 peratus pelajar Sabah dan baki yang lain dari Sarawak.

Mengenai program pendidikan tinggi pula, katanya pada awal penubuhan universiti itu, UMS hanya mampu menerima 25 pelajar program sarjana dan enam lagi bagi program PhD.

"Hari ini, jumlah itu bertambah, dengan 77 orang sedang mengikuti program sarjana dan sembilan yang lain bagi program PhD," katanya.

Beliau berkata, peranan UMS sebagai institusi pengajian tinggi terulung di Sabah semakin terserlah dan bilangan pelajar matrikulasi sains UMS sudahpun mencapai 1,452 orang.

"Mereka kini sedang mengikuti pengajian persediaan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi maklumat di Johor, Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah," ujarnya.